

Hegemoni: Dunia tidak perlu mengikut telunjuk sesiapa

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Negara-negara dunia tidak perlu mengikut telunjuk mana-mana pihak dalam menguruskan hal ehwal dalaman negara masing-masing, kata Presiden Pergerakan Keadilan Sejagat (Just), Dr. Chandra Muzaffar.

Beliau berkata, perjuangan berterusan rakyat Cuba menentang sekatan ekonomi Amerika Syarikat (AS) membuktikan dunia mempunyai alternatif terhadap dominasi satu kumpulan terhadap kumpulan lain.

Menurut Chandra, sifat hegemoni dalam hubungan antarabangsa hanya akan membawa kepada kemusnahan tamadun manusia kerana ia mementingkan satu pihak tanpa mengambil kira hak dan kepentingan pihak lain.

"Perjuangan rakyat Cuba menentang hege-

moni penting untuk Malaysia dan semua pihak kerana dunia kini menjurus ke arah pemerintahan unipolar yang mengikut telunjuk satu negara sahaja.

"Hegemoni telah menimbulkan berbagai-bagai masalah seperti kecurian sumber asli negara lain, jurang semakin besar antara negara miskin dan kaya, dan terkini keganasan tanpa sempadan yang berpunca daripada ketegangan antara budaya dan agama yang berbeza," katanya ketika berucap pada Forum Perjuangan Cuba untuk

Keadilan di sini, hari ini.

Turut hadir pada forum tersebut ialah Duta Republik Cuba ke Malaysia, Pedro Monzon Barata yang turut berucap menjelaskan perkembangan terbaru Cuba yang jarang diketengahkan media Barat.

Sejak sekatan ekonomi dikenakan ke atas negara itu, Cuba menganggarkan ia telah mengalami kerugian lebih AS\$87 bilion.

Usaha Cuba untuk menentang sekatan itu di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menunjukkan jumlah negara yang menyokong usul mereka semakin meningkat setiap tahun.

Sekatan

Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) turut mengeluarkan kenyataan pada September lalu mengutuk sekatan tersebut dan kesemua 118 negara ahlinya juga bersetuju supaya sekatan ke atas negara Caribbean itu dihentikan dengan segera.

Cuba kini menjadi Pengerusi ke-14 NAM menggantikan Malaysia yang telah menjadi pengerusi pergerakan tersebut sejak tiga tahun lalu.

Dalam ucapannya, Chandra menjelaskan, setiap negara berhak untuk memilih ideologi

dan hala tuju masing-masing kerana hak untuk memilih adalah lambang demokrasi yang sebenar.

Beliau turut memuji ketahanan pemimpin dan rakyat Cuba yang telah sekian lama bertahan menghadapi tekanan ekonomi 'di depan pintu mereka'.

"Cuba, walaupun sebuah negara kecil, masih mampu mengekalkan semangat revolusi kemerdekaan mereka hingga kini walaupun menghadapi tekanan daripada jiran yang berada hanya 90 batu dari pantai mereka.

"Namun, setiap negara perlu mencari cara tersendiri untuk menentang hegemoni. Menentang tidak bermakna menghentikan perdagangan tetapi menggunakan saluran lain seperti resolusi PBB untuk mengetengahkan isu-isu tertentu," ujarnya.

Tambahnya, kejayaan Cuba memberikan khidmat rawatan kesihatan dan pendidikan percuma walaupun menghadapi sekatan ekonomi selama lebih 40 tahun menunjukkan dunia mempunyai pilihan alternatif terhadap sistem ekonomi kapitalis liberal.